



## Komuniti Pembelajaran Profesional di Malaysia: Amalan dan Pengaruhnya Terhadap Kompetensi Guru Dalam Pendidikan Abad ke-21 di Sekolah Rendah

Salwa Azwani binti Hassan<sup>1</sup>, Aziah binti Ismail<sup>2</sup>  
<sup>1,2</sup>Universiti Sains Malaysia

### Article Info

**Received:**  
09 June 2020

**Accepted:**  
31 August 2020

**Publish**  
01 September 2020

**E-mail address:**

\*corresponding Author:  
[diewanie77@gmail.com](mailto:diewanie77@gmail.com)

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

*Pengajaran guru di sekolah yang lebih bersifat sendiri, kurangnya kompetensi dalam kalangan guru dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21, kekurangan kemahiran mendapatkan maklumat serta sumber fakta melalui wahana ICT menjadikan guru hanya mengajar semata-mata memenuhi keperluan peperiksaan murid sahaja dan akan berterusan menjadikan buku teks sebagai bahan sumber dan rujukan utama. Kertas konsep ini akan membincangkan tentang penting dan perlunya amalan KPP yang dilihat sebagai satu daripada model pengurusan lestari bagi organisasi yang memfokuskan kepada penghasilan dan pengukuhan komuniti pengajaran yang terbentuk daripada elemen-elemen penting untuk mencapai kelestarian dalam kualiti PdPc guru melalui kolaborasi, fokus terhadap pembelajaran murid, pengintegrasian dan perkongsian kepimpinan di sekolah antara guru dan pemimpin. Kajian ini berbentuk tinjauan literatur secara mendalam yang meneliti kajian-kajian serta isu-isu terdahulu bagi menghuraikan cadangan serta langkah yang boleh dilaksanakan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti pemimpin sekolah agar dapat membimbing guru-guru dalam menjalankan tanggungjawab pengajaran dengan lebih berkesan terutamanya dalam pdpc abad ke-21. Guru-guru turut memerlukan sokongan daripada rakan sekerja serta suntikan persekitaran yang positif di sekolah untuk meningkatkan kompetensi guru dalam penyampaian PdPc abad ke-21. Justeru, kertas konsep ini bertujuan untuk menghuraikan tentang peranan KPP dalam mempengaruhi kompetensi guru dalam PAK21 di samping turut memberi beberapa cadangan penambahbaikan bagi mengatasi setiap cabaran yang telah dikenalpasti.*

**Kata kunci:** komuniti pembelajaran profesional, kompetensi guru, Pendidikan Abad ke-21

## Pengenalan

Kurikulum yang telah dirancang dan diurus oleh Kementerian Pendidikan seharusnya dapat melahirkan waganegara yang berkualiti berasakan sumber pendidikan yang sempurna. Ini penting bagi memastikan keperluan untuk melahirkan murid yang cemerlang dan berkualiti dari pelbagai aspek dapat dipenuhi dalam pendidikan abad ke-21 ini. Selain itu, keperluan ini amat perlu bagi sesebuah negara maju seperti Malaysia yang perlu menyediakan rakyatnya dengan pelbagai kemahiran dan keperluan pendidikan yang mencukupi serta berketrampilan bukan sahaja untuk memenuhi kehendak sektor pelbagai bidang industri dan perdagangan malah dapat memenuhi kehendak pelbagai keperluan bertaraf dunia.

Selain itu, kurikulum yang lebih bersifat futuristik, fleksibel dan dinamik haruslah dititikberatkan sama ada dalam proses perancangan mahupun pelaksanaannya. Ini penting kerana melalui kurikulumlah yang bakal membentuk dan melahirkan masyarakat yang maju serta mampu menempuh cabaran yang dibawa arus globalisasi permodenan ilmu dan limpahan maklumat melalui pelbagai wahana. Melalui ilmu jugalah akan dapat membentuk jati diri masyarakat yang mampu membuat pilihan bijak serta tepat sesuai dengan budaya, nilai dan norma sesebuah negara tanpa ketinggalan dalam capaian maklumat dunia yang kini hanya di hujung kiri (Zuraidah, 2016).

Justeru, kurikulum pendidikan sedia ada perlu diubahsuai agar menjadi lebih relevan dan koheran bersesuaian dengan peredaran zaman yang telah banyak mengalami perubahan dari segi pembangunan termasuklah kemajuan dalam bidang teknologi di mana perubahan paling pesat berlaku dalam sesebuah negara termasuk Malaysia (Wijaya, Sudjimat, Nyoto dan Malang, 2016).

Berdasarkan kenyataan tersebut, kompetensi guru dan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) sangat memainkan peranan bagi memastikan kejayaan sesuatu dasar atau matlamat tercapai. Begitu juga dengan kedua-dua variabel ini yang amat berperanan dalam usaha menjadikan pdp abad ke 21 menjadi kenyataan di Malaysia, yang turut menerima tempias kemajuan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan. Justeru, abad ke-21 ini telah berlaku transformasi utama dalam pelbagai aspek termasuk sosial, ekonomi, politik, budaya dan pendidikan (Hargreaves, 1997, 2000). Aspek ini didorong oleh empat kuasa besar yang saling berkaitan iaitu kemajuan sains dan teknologi, perubahan demografi, globalisasi dan alam sekitar (Mulford, 2008). Kini, masyarakat industri telah berubah menjadi masyarakat yang semakin berilmu pengetahuan (Beare, 2001). Apabila keadaan demografi berubah maka, murid di sekolah turut berubah serta mempunyai pelbagai budaya, agama dan kepercayaan termasuk bahasa. Kemajuan teknologi maklumat internet telah meningkatkan fleksibiliti untuk memperoleh pengetahuan bagi setiap individu baik guru mahupun murid (Dewantoro, 2017). Oleh itu, guru-guru perlu membangunkan pendekatan dan strategi pembelajaran sebagai kompetensi guru abad ke 21 dengan bekerjasama antara rakan guru selari dengan pembangunan kelestarian pendidikan.

Selaras dengan pembangunan pesat abad ke 21, guru-guru pada abad ini, dicabar untuk mempercepatkan pembangunan maklumat dan komunikasi. Kemajuan teknologi maklumat telah menyebabkan peningkatan dalam pengambilalihan pengetahuan bagi setiap individu sama ada kepada guru mahupun murid. Dengan kata lain, guru-guru perlu mampu mengembangkan pendekatan pembelajaran dan menyusun strategi yang sesuai dengan perkembangan terkini. Perkembangan yang begitu cepat dalam pendidikan termasuk membuka ruang pendidikan alternatif yang begitu luas untuk ibu bapa dan masyarakat telah memberi kesan kepada peningkatan permintaan terhadap pendidikan yang lebih berkualiti oleh masyarakat. Keadaan ini memaksa golongan pendidik untuk lebih kompeten dalam menyalurkan maklumat serta menuntut guru-guru mencipta amalan pedagogi yang lebih mencabar dalam bilik darjah (Dewantoro, 2017).

Conway, Murphy, Hall, & Rath, (2011) menyatakan pembelajaran bukan sahaja melibatkan murid semata-mata malah guru-guru dan juga warga sekolah bagi menguasai kemahiran memperoleh, mengurus dan menggunakan pengetahuan mereka dalam membentuk individu yang bersedia menghadapi cabaran hari esok.

Kajian oleh Grangeat & Gray (2007) juga menunjukkan bahawa persekitaran sekolah seperti pertukaran idea dan maklumat antara rakan, rakan kongsi pengajaran dan program-program pembangunan profesionalisme yang diikuti turut menyumbang kepada peningkatan kompetensi guru sekiranya guru-guru bekerjasama antara satu sama lain. Perkara ini adalah merujuk kepada aktiviti komuniti pembelajaran profesional yang didefinisikan sebagai satu proses yang berterusan di mana guru dan pentadbir bekerjasama untuk mencari dan berkongsi pembelajaran, bertindak ke atas pembelajaran tersebut dan mereka mengukuhkan keberkesanan sebagai seorang yang profesional demi kebaikan murid Hord (1997) seperti yang diamalkan dalam KPP yang sedang hangat digalakkan untuk diwujudkan di sekolah-sekolah di Malaysia.

## **Latar Belakang Kajian**

### **1.0 Guru Dan Pendidikan Abad Ke-21**

Era ke-21 ini, kebanyakan negara maju mengalami perubahan pesat dalam pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi dan sosial. Seperti semua sedia maklum bahawa ketiga-tiga bidang ini sangat berkait rapat dengan pendidikan dalam sesebuah negara. Justeru, satu paradigma institusi pendidikan telah wujud kesan daripada perkembangan teknologi dan arus permodenan globalisasi melalui kecairan sempadan nasional (Ohmae, 2008).

Sehubungan itu, usaha menjadikan pendidikan sebagai pemangkin dan pembentuk insan utama dalam era ke 21 ini, kepesatan dalam ICT seharusnya dijadikan salah satu pencetus minda murid. Usaha ini merupakan antara inisiatif yang telah dijalankan di beberapa buah negara sebelum ini. Malaysia tidak ketinggalan melalui fasa ledakan pendidikan abad ke 21 ini yang merupakan cabaran baru hasil dari globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan ICT di peringkat dunia.

Justeru, usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meningkatkan pembangunan pendidikan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan malah celik ICT, berkemahiran serta berakhlak mulia perlu dipandang serius dan mendapat kerjasama semua pihak. Antara usaha KPM adalah membuat beberapa perubahan dalam kurikulum pendidikan terutama strategi pelaksanaan pengajaran pembelajaran yang perlu dibuat perubahan selaras dengan pendidikan abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016, 2017). Oleh itu, beberapa penggabungan elemen seperti pengetahuan dan pembelajaran yang mempunyai kekuatan tambahan bagi menampung kekuatan alat teknologi pendidikan bagi menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan seharusnya tidak dilepaskan (Surif dan Arshad, 2003).

Dalam hal ini, peranan pendidik amat penting dalam membimbing murid menggunakan teknologi ICT bagi mewujudkan kesedaran di peringkat global dalam era kemajuan ledakan maklumat yang sepatutnya mudah dicapai. Justeru, dalam usaha menyediakan murid-murid untuk lebih bersedia dalam dunia abad ke-21 ini, pendidik seharusnya celik ICT dalam literasi pendidikan abad ke-21 termasuklah dunia siber, budaya, emosi, ekologi, media dan kewangan (Sulaiman, Thani, Latif, Mahalingam dan Adam, 2013).

### 1.1 Ciri-ciri Guru Abad Pendidikan Ke-21

Untuk melaksanakan pendidikan abad ke-21, kompetensi dan kemahiran dalam pedagogi memerlukan seseorang guru yang mahir dalam kemahiran tertentu antaranya kemahiran pembelajaran dan inovasi, maklumat, kemahiran hidup, kerjaya serta media dan teknologi (Ang Jit Eng, 2017; Ariffin, 1994). Antara kemahiran utama yang perlu dikuasai bagi memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi memenuhi ciri-ciri guru abad ke-21 adalah seperti berikut:

#### a. Kompeten Dalam Kandungan Kurikulum

Seseorang guru perlu bersedia serta cekap dalam menyampaikan bahan pengajaran dalam kelas. Oleh itu, pengetahuan dan kompetensi guru terhadap penguasaan isi kandungan kurikulum merupakan perkara penting bagi mengukuhkan kefahaman konseptual murid. Antara kaedah yang boleh digunapakai adalah melalui penggunaan contoh, analogi, hujah secara logikal dan berhujah menggunakan asas fakta yang tepat mengikut tahap pemikiran murid selaras dengan perubahan pendidikan abad ke-21. Justeru, guru perlu menguasai isi kandungan subjek sebagai faktor penentu kefahaman murid terhadap pengajaran yang disampaikan.

#### b. Pengetahuan Pedagogi

Guru juga perlu mempelbagaikan pengetahuan pedagogi sedia ada dalam pengajaran yakni perlu kreatif mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran supaya tidak bergantung semata-mata dengan pengajaran yang bersifat tradisional seperti pergantungan kepada buku teks dan papan tulis sahaja. Teknik komunikasi dua hala dengan murid dalam pdp juga perlu diubah agar suasana pdp menjadi lebih interaktif. Pendekatan tersebut ialah pendekatan masteri, kontekstual, konstruktif, koperatif, kolaboratif, penggabung jalinan dalam pelbagai disiplin ilmu dan pembelajaran berasaskan masalah (Sulaiman et al., 2013).

#### c. Memahami Psikologi Pembelajaran dan Memiliki Kemahiran Kaunseling

Dalam pendidikan abad ke-21 ini, teori psikologi pembelajaran dan kemahiran memberi kaunseling turut menjadi elemen penting yang perlu dikuasai dan diaplikasikan oleh guru kepada murid. Ini bertujuan untuk mengawal dan membentuk sikap murid memandangkan cabaran dalam pendidikan abad ke-21 ini adalah lebih luas. Ini kerana, murid banyak menggunakan daya fikiran yang tinggi, minda sepanjang hayat dan mempunyai modal intelektual tinggi menghadapi era globalisasi di samping menekankan nilai-nilai murni untuk murid alaf 21 ini.

#### d. Pengetahuan Guru Terhadap Pelajar

Tugas guru tidak hanya semata-mata dalam aktiviti pengajaran malah turut melibatkan hal-hal berkaitan kebajikan muridnya (Mahamod, 2012). Memandangkan setiap murid adalah berbeza tahap kognitifnya, maka guru perlu memahami keperluan yang berbeza bagi setiap muridnya agar pengajaran guru dalam kelas akan lebih menyeronokkan.

#### e. Kemahiran Penggunaan Teknologi Terkini

Guru abad ke-21 juga perlu mahir menggunakan teknologi ICT terkini bagi mengumpul dan menafsir maklumat. Terdapat pelbagai teknik pengajaran yang dapat menerapkan kemahiran ini antaranya ialah pengajaran dan pembelajaran berasaskan projek.

Kemahiran ini dapat memupuk murid-murid menguasai kemahiran abad ke-21. Misalnya mata pelajaran Sejarah dan Geografi yang memerlukan murid menguasai banyak elemen pengajaran dalam kajian pentaksiran tingkatan 3, selain turut menggalakkan komunikasi interaktif antara guru dan murid yang akan berkongsi maklumat menerusi pelbagai alat media sosial.

## 2.0 Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Meningkatkan Kompetensi Guru.

Selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahukan kualiti pendidikan di negara meningkat di persada antarabangsa maka kertas konsep ini akan membincangkan tentang perlunya guru-guru membudayakan serta mengamalkan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) di sekolah. Guru secara khususnya perlu menjadikan KPP sebagai satu budaya baru untuk meningkatkan kompetensi mereka dalam pdpc abad ke-21. Amalan KPP sebenarnya dapat membawa perubahan besar dalam pengajaran guru dengan bimbingan dan tunjuk ajar pemimpin di peringkat sekolah. Oleh itu, langkah KPM menekankan amalan KPP yang sepatutnya dilaksanakan di sekolah-sekolah di Malaysia amat tepat agar tahap kompetensi dan profesionalisme guru dapat ditingkatkan. Penekanan yang dibuat oleh KPM ini selari dengan hasil dapatan kajian oleh Jones dan Harris, (2010) yang dijalankan di sekolah-sekolah di United Kingdom mendapati bahawa amalan KPP merupakan antara cara untuk mewujudkan perubahan besar dalam amalan profesional guru yang mampu memberi kesan positif terhadap penambahbaikan dalam keseluruhan sistem pendidikan.

Pendidikan merupakan saluran tepat untuk membentuk dan melahirkan modal insan yang berkualiti serta mampu membawa perubahan ketara dalam dunia pendidikan. Jadi, pendidikan abad ke-21 ini memerlukan para pendidik khususnya guru-guru mempertingkatkan amalan sedia ada dari aspek kompetensi dan ketrampilan sejajar dengan perkembangan teknologi terkini (Noriati, Boon dan Wong, 2010). Justeru, bagi merealisasikan hasrat kerajaan, guru-guru di sekolah harus menjadikan amalan KPP ini sebagai amalan terbaik demi perubahan yang bakal membawa keuntungan kepada murid. Justeru, guru seharusnya sentiasa bersedia menerima ilmu baru bagi memperbaiki serta menambahkan kemahiran dan kompetensi pengajaran mereka untuk menjayakan proses pdp abad ke-21 di dalam kelas.

Kertas konsep ini turut menghuraikan tentang perlunya pembudayaan dan wujudnya pengaruh KPP terhadap kompetensi guru dalam pendidikan abad ke 21. Antara amalan yang boleh dijadikan budaya bagi menjayakan KPP ialah belajar secara berterusan, pemupukan amalan berkongsi nilai, matlamat, misi dan visi yang bertujuan meningkatkan kualiti guru. Selain itu, kejayaan KPP turut bergantung kepada kesediaan dan tahap kefahaman mengenai KPP itu sendiri dalam kalangan guru di sesebuah sekolah supaya mereka dapat mengamalkannya dengan lancar serta terurus. beberapa langkah dan inisiatif yang boleh dilaksanakan bagi menjayakan pelaksanaan KPP di sekolah terutamanya bagi peningkatan kompetensi guru dalam pendidikan abad ke 21 sebagai penambahbaikan dalam sistem sekolah di Malaysia turut dihuraikan dalam kertas konsep ini.

### 2.1 Konsep Amalan Dan Pengaruh Komuniti Pembelajaran Profesional Terhadap Kompetensi Guru Dalam Pendidikan Abad Ke 21.

Berdasarkan kajian oleh Hord, (1997), menyatakan bahawa amalan-amalan yang diterapkan melalui KPP telah memberi hasil yang positif kepada komuniti sekolah melalui komitmen yang ditonjolkan bagi mencapai misi dan matlamat yang ditetapkan oleh organisasi. Tujuan utama KPP diwujudkan di sekolah adalah untuk meningkatkan kualiti guru dari segi pengajaran bersamaan kenyataan Hallinger, (2010) bahawa kualiti guru kini menjadi isu kritikal kerana keperluan kepada penambahbaikan yang radikal dan berskala besar dalam bidang pendidikan

terutamanya sekolah, adalah sangat mendesak dan berlaku secara global. Justeru, KPP merupakan antara program pembangunan profesionalisme berasaskan sekolah yang telah dibuktikan sangat berjaya diamalkan di luar negara dan semakin popular di kebanyakan negara termasuk Malaysia. KPP merupakan program pembangunan guru yang digerakkan di peringkat sekolah yang perlu diwujudkan supaya guru sentiasa terdedah kepada peluang untuk sentiasa belajar bagi meningkatkan profesionalisme mereka secara proaktif dengan cara membentuk komuniti belajar yang profesional bersama rakan sekerja. KPP juga dikenali sebagai satu amalan pembangunan profesionalisme guru yang berterusan untuk menggalakkan guru bekerja secara kolaboratif dengan melibatkan sokongan dari rakan sekerja. Aziah Ismail, Yen, dan Kanesan (2015) dalam kajian mereka turut menyatakan bahawa amalan reflektif ini dilihat turut berpotensi mengubah amalan pengajaran guru dan dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid, serta mampu membentuk struktur organisasi sekolah berorientasikan budaya yang menjurus intelektual (Louis dan Seashore, 2014).

Budaya KPP ini akan menjadikan warga guru lebih cekap dan efisien ke arah menggalakkan mereka menjadi pakar dalam bidang mata pelajaran masing-masing. Terdapat lima dimensi seperti yang dinyatakan dalam model KPP iaitu i) kepimpinan berkongsi dan menyokong, ii) kesepunyaan nilai, matlamat, visi dan misi, iii) pembelajaran secara kolektif, iv) perkongsian amalan profesional serta v) persekitaran yang menyokong dari segi hubungan dan struktur (Hipp, Huffman, & Jane Bumpers, 2003). Kelima-lima dimensi ini saling mempengaruhi agar proses belajar guru-guru berlaku secara berterusan. Keadaan ini juga dikatakan dapat meningkatkan prestasi murid-murid di sekolah. Setiap dimensi yang terdapat dalam KPP mempunyai atribut kritikal yang menggambarkan setiap fasa pembangunan sekolah iaitu permulaan, pelaksanaan dan amalan (Abdullah, Ahmad, Ghani dan Salamun, 2010).

Berdasarkan definisi daripada beberapa pengkaji terdahulu, KPP dapat dihuraikan dalam pelbagai pemahaman. Namun, dalam konsep yang lebih difahami, KPP adalah sebuah komuniti berkumpul yang diwujudkan di sekolah untuk bekerja dan berkongsi kemahiran, kepakaran dan pengetahuan bagi mencapai tujuan dan matlamat yang sama. Abdullah et al., (2010) mentakrifkan KPP sebagai alat untuk melahirkan budaya belajar untuk belajar. Seluruh komuniti di sekolah bersama-sama belajar untuk mendapatkan hasil yang cemerlang. Menurut Carpenter, Peter dan Sundin (2009) pula, KPP dihuraikan sebagai seseorang guru yang sentiasa belajar secara berterusan agar dapat mengadaptasi perubahan yang berlaku. Waters, LeBard dan Nelson, (2010) pula mendapati guru-guru di sekolah yang mengamalkan KPP sedikit sebanyak dapat membantu mengubah amalan pengajaran tradisonal selain memberi fokus kepada keperluan pembelajaran murid dan pengajaran secara lebih berkesan.

Keseluruhannya, KPP dapat dikaitkan dengan pembentukan satu budaya baharu di sekolah iaitu budaya belajar secara berterusan supaya dapat bergerak ke hadapan seiring dengan perubahan masa. Kenyataan ini selari dengan pendapat Hord, (2004) yang menyatakan bahawa KPP merupakan antara strategi dan struktur yang paling berpengaruh dalam usaha menambahbaik dan meningkatkan keberkesanan sekolah.

Dengan itu, dalam pelaksanaan pengajaran PA21, KPP dilihat sebagai satu daripada model pengurusan lestari bagi organisasi yang memfokuskan kepada penghasilan dan pengukuhan komuniti pengajaran yang terbentuk daripada elemen-elemen penting yang dapat mencapai kelestarian dalam kualiti PdPC seperti kolaborasi, fokus terhadap pembelajaran murid, pengintegrasian dan perkongsian kepimpinan di sekolah seperti aspek-aspek pengupayaan kepimpinan dan kepimpinan distributif (Chediak, Kunnari, Inforsato dan Junior, 2018) selain dapat meningkatkan kompetensi pengajaran guru.

Kenyataan ini jelas bahawa kompetensi guru dalam memastikan pdp PA21 berjaya sangat penting serta mengukuhkan lagi bahawa institusi pendidikan dan guru merupakan unsur paling dominan yang mempunyai peranan utama dalam usaha untuk meningkatkan sumber daya manusia pada abad ke-21 (Dewantoro, 2017).

## 2.2 Kepentingan Amalan Dan Pengaruh KPP Terhadap Kompetensi Guru Dalam Pendidikan Abad Ke 21.

Dapatan kajian dalam kajian keberkesanan sekolah (*school effectiveness*) menunjukkan bahawa prestasi murid kebanyakan dipengaruhi oleh sistem sekolah berprestasi tinggi yang dijayakan oleh dua komponen utama iaitu kualiti kepimpinan dan guru. Menerusi penglibatan para guru dalam aktiviti seperti ini, maka tahap profesionalisme para guru dapat ditingkatkan lagi (Kementerian Pendidikan Malaysia dan MOE, 2015). Ini merupakan antara pentingnya i amalan dan pengaruh (KPP) terhadap kompetensi pengajaran guru dalam pdp abad ke 21 sebagai salah satu usaha untuk menambahbaik profesionalisme para guru.

Kompetensi ditakrifkan sebagai kemampuan seseorang dari segi pengetahuan, sikap dan keterampilan untuk melakukan sesuatu kerja dengan cemerlang (Nordin dan Yunus, 2016). Menurut Spence dan Spence (1993), kompetensi yang optimis adalah penting untuk mencapai matlamat kerana dapat menunjukkan hasil. Kini, kompetensi dikaitkan pula dengan pelbagai bidang seperti kompetensi dan motivasi, kompetensi generik, kompetensi pendidikan tinggi dan kompetensi prestasi (Martin Mulder, 2014). Prinsip dalam model kompetensi bermaksud prestasi seseorang pegawai akan meningkat sekiranya mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk jawatan yang disandangnya.

Kebolehan individu menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan baik, cekap dan berkesan juga menunjukkan bahawa seseorang individu itu kompeten. Menurut Yusof, (2003) kompetensi mampu menggerakkan individu untuk bertindak secara efektif. Boyatzis (dalam Yusof, 2003) menyatakan kompetensi sebagai satu set tingkah laku yang diperlukan oleh seorang pengurus atau ketua untuk berfungsi dengan baik dalam menjalankan tugasnya. Kompetensi dalam pendidikan adalah umum dan boleh diaplikasikan kepada satu atau lebih tempat kerja. Menurut Fletcher dan Maher, (2015) dalam konsep yang luas kompetensi meliputi kebolehan memindahkan kemahiran dan pengetahuan kepada keadaan baru di persekitaran kerjanya.

Secara keseluruhannya, seseorang itu dikatakan kompeten apabila dapat menggabungkan pengetahuan, kemahiran, pemahaman dan sikap praktik serta ditunjukkan dalam tingkah laku apabila menjalankan sesuatu tugas. Dengan demikian tahap kompetensi guru yang tinggi amat penting bagi memastikan inovasi kurikulum tercapai, iaitu ke arah melahirkan murid yang kreatif dan berinovatif (Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah, 2017).

Prinsip dalam model kompetensi adalah prestasi seseorang individu akan meningkat sekiranya mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggung jawab jawatan yang disandangnya. Contohnya, pengkhususan dalam sesuatu disiplin ilmu dan kekerapan melaksanakan tugas tersebut akan membolehkan pegawai tersebut melaksanakan tanggung jawabnya dengan berkesan dan lebih cemerlang (Nordin dan Yunus, 2016). Terdapat tiga komponen utama dalam kompetensi secara umum iaitu:

### (a) Pengetahuan:

Kebolehan individu meningkatkan pengetahuan secara berterusan bagi memperbaiki prestasi diri dengan berkesan.

(b) Kemahiran

Kebolehan individu mengguna dan memanfaatkan (*ability to use in practice*) pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh bagi melaksanakan tugas dengan cemerlang untuk mencapai objektif organisasi.

(c) Ciri-ciri Peribadi/Profesionalisme

Nilai-nilai peribadi dan perlakuan (*personal attributes and behaviours*) yang perlu dihayati dan diamalkan oleh seseorang pegawai (Putra Nurwan Shah Baharuddin dan Hizatul Haliza Hashim, 2004).

Kompetensi turut boleh dikaitkan dengan prestasi kerana menggunakan kemahiran, pengetahuan dan sikap dalam tindakan profesional dalam sesuatu kepakaran. Kompetensi juga boleh dibangunkan, misalnya kecekapan dan kebolehan umum dan bakat peribadi seseorang (Martin Mulder, 2014)

Konsep kecekapan atau kompeten ini turut mempunyai maksud lain di mana kecekapan termasuk dalam sistem pendidikan. Ini merujuk kepada kebenaran, pensijilan atau lesen. Oleh itu, institusi pendidikan diberi kuasa untuk menyediakan graduan dengan bukti-bukti kejayaan program-program yang telah berjaya, yang juga dirujuk sebagai bukti kecekapan atau keupayaan (Mulford, 2008)

Justeru, dalam kertas kerja ini huraian kompetensi adalah berdasarkan kepada kerangka pendidikan abad ke 21 yang terdapat dalam "*Model Partnership for 21st Century Skills*" (2015). Model ini menggabungkan beberapa komponen keberhasilan pelajar dan sistem sokongan abad ke-21 iaitu kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran komunikasi, refleksi, kemahiran kolaborasi, pentaksiran, penyelesaian masalah, teknologi, kreativiti dan kemahiran inovasi. Kerangka ini telah dibangunkan oleh negara-negara OECD (Ananiadou dan Claro, 2009) yang secara amnya menonjolkan tiga domain kemahiran utama dalam PAK21. Namun, dalam kertas kerja ini terdapat lapan (8) domain kompetensi yang akan dibincangkan yang merupakan keperluan kepada kompetensi guru-guru pada abad ke 21.

Aspek-aspek dan ciri-ciri yang terdapat dalam setiap kompetensi tersebut mampu menjadi penanda aras kepada penentuan tahap kebolehan, keupayaan dan kecekapan seseorang guru dalam pendidikan abad ke 21. Antara kemahiran tersebut ialah kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran komunikasi, refleksi, kemahiran kolaborasi, pentaksiran, penyelesaian masalah, teknologi, kreativiti dan kemahiran inovasi. Kesemua kemahiran ini merupakan antara kemahiran yang ditumpukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi mengkaji pengaruh KPP serta kesannya terhadap kompetensi guru dalam PAK21.

### 2.3 Kejayaan Pelaksanaan Amalan KPP Dalam Pendidikan

Dapatan kajian bertajuk *A Study Of The Relationship Of Teachers' Self-Efficacy And The Impact Of Professional Learning Community As An Organizational Structure* mendapati bahawa KPP bukan sahaja boleh mengurangkan pengasingan guru (*teacher isolation*), peningkatan komitmen guru terhadap misi dan matlamat sekolah malah dapat meningkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran guru, peningkatan kepuasan kerja guru, semangat yang lebih tinggi dan pengurangan kadar ketidakhadiran guru. Ini terbukti kerana banyak sekolah yang telah berjaya mengamalkan KPP (Nolan, 2009). Pengamalan KPP di sekolah seperti yang dihasratkan oleh KPM turut secara tidak langsung diharapkan dapat memberikan kesan kepada bukan sahaja dapat meningkatkan efikasi sendiri guru malah akan dapat memberi peningkatan kepada kompetensi guru dalam pembelajaran abad ke-21.



Seterusnya, dalam kajian *A View of Professional Learning Communities Through Three Frames: Leadership, organization, and culture* yang dijalankan di negeri-negeri utara Amerika Syarikat, KPP merupakan satu alat yang menjanjikan perubahan menyeluruh dan bimbingan kolaboratif di sekolah-sekolah awam di sana. Implikasi untuk bimbingan kolaboratif dalam KPP ditemui berhubung kait dengan pembelajaran profesional guru, pemimpin dan pembangunan komuniti mereka. Sekolah merupakan komuniti yang sangat kompleks, namun masih belum mencapai satu capaian yang diramalkan, seperti kedudukan prestasi sekolah yang kompetitif. Oleh itu, pengamal sentiasa mengambil kira arus perubahan yang sentiasa berlaku dalam dunia pendidikan. KPP yang terbaik adalah kerjasama jitu yang menawarkan visi, fleksibiliti, dan kreativiti untuk membuat penyesuaian yang diperlukan ke arah matlamat yang diinginkan (Mullen & Schunk, 2010).

Oleh itu, untuk menjadikan PA21 satu kenyataan, KPP sememangnya dikatakan dapat membantu guru meningkatkan profesionalisme dan kompetensi ke arah pendidikan bertaraf dunia. Persekitaran pembelajaran di negara-negara maju pada abad ke-21 telah menunjukkan perubahan dari segi orientasi individu kepada masyarakat berdaya saing. Walau bagaimanapun, dalam kalangan negara-negara membangun termasuk Malaysia, amalan ini masih baru (Ghani dan Crow, 2010). Oleh itu, amalan dan pembudayaan KPP ini amat perlu dalam bidang pendidikan di Malaysia bertujuan meningkatkan keupayaan dan kompetensi guru sesuai dengan perubahan zaman ke arah pembelajaran abad ke-21 serta telah menjadi perkara biasa yang sering diperbahaskan dalam masyarakat. KPP juga adalah untuk menggambarkan sesuatu amalan yang dilaksanakan secara berterusan (DuFour, 2015).

Rata-rata melalui kajian penyelidikan terdahulu dari barat seperti Darling-Hammond, 2001; Fullan, 2005; Louis dan Marks, 1998; McLaughlin & Talbert, 2001; Newmann, 1996; Reeves, 2006; Saphier, 2005; Schmoker, 2005; Sparks, 2005 mengenai KPP bersependapat bahawa golongan pendidik yang terlibat dengan amalan KPP secara konsisten dan sistematik akan dapat membuat perubahan dan penambahbaikan yang substantif kepada sekolah dan murid.

Amalan KPP ini juga merupakan harapan terbaik untuk mewujudkan perubahan mengikut perkembangan semasa dalam pendidikan (DuFour, 2015). Amalan KPP ini turut disahkan oleh Majlis Pembangunan Staf Negara, Persatuan Pengetua Sekolah Menengah dan Rendah Kebangsaan, Lembaga Standard Pengajaran Profesional Kebangsaan, Suruhanjaya Pengajaran Dan Kajian Masa Depan Amerika Syarikat dan Forum Negara Pembaharuan Gred Tengah. Umum turut mengetahui sejak berabad-abad bahawa pelajar akan mendapat manfaat apabila guru-guru di sekolah bekerja secara berpasukan dan bekerjasama antara satu sama lain (Little, 1990). Selain itu, KPP juga dapat mewujudkan kurikulum yang dijamin dan berdaya maju serta berdaya saing untuk memastikan semua pelajar mempunyai akses kepada pengetahuan dan kemahiran yang sama (Marzano, 2003).

Seterusnya, amalan KPP ini menurut beberapa pengkaji lagi bahawa secara kesimpulannya guru-guru akan dapat memantau pembelajaran pelajar secara kerap dan tepat pada masa, menggunakan ujian berbentuk formatif untuk mengenal pasti pelajar yang memerlukan penerangan tambahan dalam pembelajaran serta dapat menyumbangkan jangkaan tertinggi untuk target pencapaian pelajar itu sendiri melalui komitmen guru secara kolektif untuk membantu semua pelajar belajar (Douglas B. Reeves, 2012; Jere E. Brophy dan Good, 2007; Lawrence W. Lezotte, 1996). Di samping mesyuarat yang dijadualkan secara rutin, guru-guru yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran, KPP turut berperanan membawa golongan pendidik kepada perbincangan tidak formal bertujuan menyelaraskan usaha pihak sekolah, kepimpinan dan guru-guru demi memberikan pendidikan yang terbaik serta bertaraf dunia kepada pelajar (DuFour, 2015). Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan, KPP secara langsung dapat memberi kesan kepada peningkatan kompetensi guru dan peranan kepimpinan sekolah

dalam Pendidikan Abad ke-21. Di samping mesyuarat yang dijadualkan secara rutin, guru-guru yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran, KPP turut berperanan membawa golongan pendidik kepada perbincangan tidak formal bertujuan menyelaraskan usaha pihak sekolah, kepimpinan dan guru-guru demi memberikan pendidikan yang terbaik serta bertaraf dunia kepada pelajar.

## **Pernyataan Masalah**

### 3.0 Isu Dan Cabaran

#### 3.1 Cabaran KPP dan Kompetensi Guru Dalam Pendidikan Abad ke-21

Pelaksanaan pendidikan abad ke 21 memerlukan guru yang kompeten dalam penghasilan PdPc yang berkesan. Justeru, bagi merealisasikan harapan ini maka guru perlu menguasai kandungan subjek, mahir dalam kaedah pengajaran, mempelbagaikan sumber dan strategi pengajaran, berkemahiran ICT, mewujudkan rangkaian kerjasama dalam kalangan guru serta komuniti pendidikan dan mempunyai sikap serta personaliti yang positif. Dalam hal ini, matlamat inovasi dan pembaharuan kurikulum tidak akan tercapai sekiranya wujud perbezaan pemahaman antara penggubal kurikulum dan guru sebagai agen pelaksana kurikulum dalam pdp (Sharifah Nor Puteh, 2012).

Selain itu, dapatan kajian lalu turut mendapati isu kelemahan profesionalisme dan kompetensi guru masih dibincangkan sehingga kini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan dari segi kaedah pengajaran guru yang tidak berupaya menarik minat murid (Zahara Aziz dan Ismail, 2007) kesan daripada pendekatan pengajaran tradisional oleh guru (Siti Hawa Abdullah, 2008). Kaedah pengajaran tradisional dalam pdp yang menjadi amalan hingga sekarang tidak dapat lagi memenuhi tuntutan pendidikan abad ke-21. Pembelajaran kini bukan lagi tertumpu di bilik darjah semata-mata, tetapi kaedah pengajaran telah berkembang seiring kepesatan ICT di Malaysia. Sumber rujukan buku teks juga tidak lagi dapat menampung peningkatan dan pembaharuan maklumat yang sentiasa berubah sejajar dengan peredaran zaman (Chan, 2001).

Kebergantungan guru kepada buku teks sebagai sumber fakta dan bahan utama pengajaran (Barton & Levstik, 2004) serta kurang mengeksploitasi penggunaan sumber digital (Norizan Ahmad, 2003) menyebabkan kaedah pengajaran berpusatkan guru masih diamalkan dalam PdPc (Wiersma, 2008). Oleh itu, kemahiran untuk mengoptimumkan penggunaan teknologi merupakan salah satu elemen PA21 yang perlu digunakan oleh guru untuk menggarap idea serta maklumat baharu dalam pelaksanaan PdP yang lebih berkesan. Misalnya, kaedah pencarian terkini yang lebih pantas menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi berbanding kaedah tradisional yang memakan masa yang lama. Ini berlaku kerana, sistem pendidikan juga tidak terlepas dari mengalami evolusi dalam teknologi pendidikan apabila adanya pembelajaran terkini diperkenalkan antaranya pembelajaran mudah alih atau m-pembelajaran (*M-Learning*). Kaedah ini diperkenalkan bagi meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran di mana proses pembelajaran berlaku tanpa terikat kepada lokasi fizikal di mana proses pembelajaran itu berlaku (Kukulkska-Hulme & Trazler, 2005).

Namun, sekiranya guru-guru tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang pencarian melayari internet, prosesnya akan menjadi lebih lama dan kadang kala tidak dapat dicapai terutamanya bagi guru-guru yang tinggal di kawasan luar bandar. Dapatan daripada (Singh, 1991) berdasarkan laporan daripada UNESCO juga menunjukkan guru-guru mengajar hanya untuk memenuhi keperluan peperiksaan. Hal ini disokong oleh kajian Zamri Mahamod (2014) yang

menyatakan bahawa kompetensi guru dalam menerapkan elemen PA21 ini turut melibatkan pendekatan pengajaran yang guru gunakan. Menurutny, guru tidak boleh terikat dengan pendekatan tradisional semata-mata dan tidak mengambil kira aspek kemahiran berfikir yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian pelajar terutama dalam PAK21. Dalam kajiannya lagi, turut menekankan bahawa amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah juga kurang menekankan strategi kemahiran berfikir seperti kaedah penyoalan, perbincangan, inkuiri penemuan dan sebagainya yang merupakan antara elemen PAK21. Pernyataan ini turut disokong dalam kajian oleh Narayanansamy dan Ismail, (2011) yang menyatakan masih terdapat kaedah konvensional melalui komunikasi yang lemah, pembelajaran hanya melalui mod sehalu, kekurangan sumber pembelajaran dan kurangnya maklum balas daripada murid-murid yang lemah dalam pdp guru (Narayanansamy dan Ismail, 2011). Oleh yang demikian, kaedah pengajaran guru merupakan antara masalah yang menyebabkan kompetensi PA21 guru masih belum mencapai tahap yang memberansangkan.

Jelas di sini untuk mengembangkan pemikiran, guru perlu menguasai pengetahuan formal dan mahir secara praktikal, menambahkan ilmu baharu sesuai dengan peredaran zaman serta hendaklah sentiasa menyediakan ruang yang cukup dan seimbang dari pelbagai segi kemahiran dan teori bagi membantu mengembangkan daya intelek pelajar abad ke 21 selain menyediakan pelajar yang mampu menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaan abad ke 21. Namun keperluan kemahiran pengajaran berkonsepkan PA21 memerlukan suntikan dan sokongan daripada keadaan persekitaran sekolah seperti kerjasama daripada rakan-rakan sekerja bagi meningkatkan kompetensi guru dalam penyampaian PdPc.

Kompetensi pengajaran guru juga dikatakan dapat meningkatkan prestasi pelajar melalui penyampaian pengajaran yang jelas dalam bilik darjah seterusnya dapat melonjakkan kualiti sesebuah sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha untuk menambahbaik peningkatan kualiti sekolah termasuklah memperkenalkan KPP yang bertujuan menyediakan suatu persekitaran bekerja secara kolaboratif kepada guru supaya dapat mencapai prestasi yang lebih baik untuk murid-murid mereka (Aziah Ismail et al., 2015). Dalam kajian-kajian lalu seperti kajian Ghani & Crow (2010), Mullen dan Schunk (2010), Lela, Hariyaty, Hazianti, Zuriadah, dan Abd (2014) yang telah dijalankan menyatakan bahawa budaya amalan KPP sememangnya dapat memberikan kesan positif dan kesan secara langsung kepada sesebuah komuniti kerana KPP dilihat sebagai agen perubahan kepada peningkatan kompetensi pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah. Malahan telah banyak sekolah yang berjaya mengamalkan KPP (Nolan, 2009).

Namun, guru-guru didapati masih cenderung untuk bekerja secara bersendirian dan jarang mengamalkan budaya perkongsian pengalaman dan bahan pengajaran dengan rakan sekerja mereka (Aziah Ismail et al., 2015). Dalam kajian ini juga dinyatakan bahawa guru-guru lebih selesa bekerja secara tradisional yakni bekerja secara sendiri dan sikap ini sedikit sebanyak boleh mempengaruhi efikasi guru (Stegall, 2011). Selain itu, faktor ke atas sikap guru yang sangat kurang berkongsi ilmu, kurangnya perbincangan cara-cara serta teknik kemahiran mengajar yang betul dan sikap suka bertindak secara sendiri akan menyebabkan guru tidak dapat meningkatkan tahap kemahiran dan kompetensi sekaligus akan menjejaskan prestasi murid (Aziah Ismail et al., 2015).

Berdasarkan kajian-kajian lepas, kewujudan dan amalan KPP amat perlu di sekolah sebagai salah satu penambahbaikan yang aktif di negara sedang berkembang maju seperti Malaysia agar dapat melahirkan generasi berilmu yang berfikiran jauh, berdaya saing serta mampu menyelesaikan masalah secara global dan memenuhi pasaran kerja sesuai dengan abad ke-21 (Ghani dan Crow, 2010). Walau bagaimanapun masih terdapat kurangnya penyelidikan secara sistematik berkaitan dengan pembangunan profesional dan keberkesananannya terhadap amalan pengajaran pada tahap

yang luas (Guskey, 2000) dan kesannya ke atas kompetensi guru. Selain itu, KPP juga dikatakan sebagai suatu elemen baru yang diperkenalkan di Malaysia, serta kemungkinan wujudnya isu-isu berkaitan KPP dan kompetensi guru. Secara keseluruhannya, kertas konsep ini akan melihat sejauh mana KPP dapat mempengaruhi kompetensi PAK21 guru serta cadangan yang dapat meningkatkan amalan KPP di Malaysia.

### 3.2 Isu-isu Dalam Pelaksanaan PAK21

Berdasarkan tinjauan literatur yang dibuat ke atas kajian- kajian lepas, mendapati bahawa tahap amalan dan pengaruh Komuniti Pembelajaran Profesional ini di sekolah-sekolah rendah di Malaysia masih di peringkat minimum. Justeru, kertas konsep ini akan mengupas isu- isu yang berkaitan dengan pelaksanaan KPP ini di sekolah di Malaysia.

#### 3.2.1 Isu pertama: Bersediakah guru-guru di Malaysia untuk mengamalkan KPP?

Amalan KPP di Malaysia masih di peringkat akar umbi dan terdapat guru-guru yang masih belum jelas tentang konsep KPP itu sendiri serta bagaimana KPP dilaksanakan. Ini adalah kerana masih kurang pendedahan tentang amalan ini kepada warga pendidik di Malaysia. Sekiranya guru masih belum memahami dengan jelas tentang konsep KPP, sudah pasti pelaksanaannya terganggu dan ia akan menyebabkan kesukaran mendapatkan sokongan daripada guru sendiri untuk melaksanakan KPP di sekolah-sekolah di Malaysia (Zuraidah, 2016).

Proses pelaksanaan KPP menuntut pengorbanan bukan sahaja dari segi masa malah minat untuk terus belajar dari pihak guru sendiri untuk berbincang serta berkolaborasi tentang isu- isu berkaitan pdp mereka dalam kelas. Melalui perbincangan inilah, solusi perlu diadaptasi untuk mengatasi sebarang masalah berkaitan pembelajaran murid (Abdullah et al., 2010).

#### 3.2.2 Isu kedua: Dapatkah guru-guru menjadikan KPP sebagai amalan untuk mengubah budaya pdp tradisional sedia ada?

Menurut Harris dan Jones, (2016), kebanyakan sekolah pasti terdapatnya budaya dominan yang diamalkan oleh warga pendidik yang akan memberi tindak balas terhadap perubahan yang ingin dilakukan sama ada menyokong atau melemahkan inovasi tersebut. Seterusnya merupakan isu yang mencakupi aspek teknik pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Dapatan dalam kajian Jones dan Harris, (2010) juga turut mendapati terdapat sekumpulan guru yang cuba mewujudkan amalan KPP telah mendapat tentangan hebat daripada guru- guru yang tidak biasa dengan amalan, budaya serta gerak kerja dalam konsep KPP selain turut curiga dengan cara kerja berkumpulan.

Masalah ini timbul berikutan etiap guru mempunyai kaedah atau pendekatan pengajaran yang memang mereka sukai dan selesa untuk melaksanakan kaedah tersebut serta telah menjadi budaya sedia ada dalam pdp. Oleh itu, budaya dan amalan baru seperti mengadakan pengajaran secara kolaboratif membuatkan mereka rasa terganggu kerana berpendapat bahawa murid akan hilang tumpuan apabila terdapat lebih dari seorang guru semasa di dalam kelas. Justeru, guru lebih cenderung dan selesa menggunakan pendekatan konvensional yang lebih kepada komunikasi sehalu kepada para murid-muridnya (Hargreaves, 2000).

3.2.3 Isu ketiga: Adakah tahap pengetahuan pedagogi guru, murid dan kepimpinan sekolah mencukupi untuk melaksanakan pembelajaran abad ke 21?

(i) Mengupaya kompetensi guru dalam PAK21.

Apabila ilmu menjadi agen utama penentu kejayaan serta kekuatan sesuatu bangsa dan negara, guru sepatutnya mampu menyediakan generasi abad ke-21 untuk menghadapi pelbagai kemungkinan antaranya masyarakat berasaskan industri, ekonomi global, pengupayaan teknologi tinggi yang sentiasa canggih, penggunaan komputer sebagai keperluan urusan harian secara maksimum dan ledakan maklumat secara global. Dengan ini, kekuatan ilmu dan minda ke arah daya berfikir aras tinggi (*high order thinking*) dan daya kreatif dalam kalangan individu dan bangsa dapat dibina.

Oleh itu, KPM seharusnya menyediakan guru melalui pendedahan berkaitan input-input dan kaedah sesuai serta *tools* yang boleh digunakan untuk menyediakan diri menghadapi perubahan ini (Sulaiman et al., 2013). Antara langkah yang telah diambil oleh KPM untuk memperkasa kompetensi guru ialah membudayakan KPP di sekolah. Usaha KPM yang komited dalam melaksanakan langkah ini akan terhasil sekiranya guru-guru memberi kerjasama jitu. Namun adakah guru-guru bersedia untuk mengubah corak pengajaran sedia ada? KPP memerlukan warga pendidik yang komited yang boleh bekerja secara kolaboratif serta berterusan dalam membuat inkuiri atau kajian tindakan bagi mencapai prestasi yang lebih baik untuk murid-murid mereka. (Rosenholtz, 1989; Little & McLaughlin, 1993; DuFour, Eaker, & Many, 2006)

Pelbagai usaha dibuat oleh pihak KPM bagi merealisasikan impian ini. Antaranya ialah memberi peluang kepada guru untuk melanjutkan pelajaran melalui pelbagai insentif seperti tawaran mengikuti Program Pengijazahan Guru dan diberi tajaan serta terdapat juga kemudahan cuti dengan pemberian biasiswa dan cuti belajar bergaji penuh. Selain itu, *in-house training* kepada rakan-rakan sepanitia perlu diadakan oleh guru-guru yang menghadiri kursus anjuran PPD, JPN dan KPM, agar berlaku perkongsian ilmu sesama mereka sebagai persediaan menghadapi pendidikan abad ke 21 (Hashimah, Hashim dan Mohd. Amir Shaukhi, 2015).

Dengan kemudahan dan peluang yang diberikan oleh KPM, warga pendidik seharusnya sentiasa cuba meningkatkan kompetensi pengajaran agar hasrat KPM untuk menjadikan pembelajaran abad ke 21 suatu kenyataan.

(ii) Mengupaya Kesiediaan Murid

Selain guru, pelbagai keupayaan antaranya ialah pembelajaran tidak formal yang meliputi keupayaan murid untuk membuat keputusan, kecekapan berkomunikasi, mewujudkan rasa yakin diri dan pengurusan konflik yang bijak, kemampuan berdialog yang merangkumi kemahiran berbincang secara matang dan rasional dalam pelbagai isu dan situasi yang mencabar serta menjadi pendengar yang aktif, keupayaan menilai kemampuan diri supaya lebih bertanggungjawab terhadap setiap tugas sama ada secara individu mahupun berkumpulan merupakan antara ciri-ciri yang perlu ada dalam diri murid agar tercapainya hasrat pdp abad ke-21 (Sulaiman et al., 2013). Oleh itu, guru perlu optimis serta mampu menerapkan keupayaan tersebut kepada murid bagi menghadapi cabaran dan menjayakan PAK21.

(iii) Merperkasa Kepimpinan Sekolah

Perubahan sistem pendidikan ke arah pendidikan abad ke 21 ini berkait rapat dengan kesediaan sekolah yang turut melibatkan peringkat pengurusan dan pentadbiran. Oleh yang demikian, sebagai pemimpin sekolah, mereka perlulah turut mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang pendidikan abad ke 21 (Hashimah et al., 2015). Gaya kepimpinan seseorang pemimpin juga sedikit sebanyak dapat mempengaruhi kejayaan ke arah penyediaan pendidikan abad ke 21 (Sulaiman et al., 2013).

Bagi menghasilkan pendidikan abad ke 21, pemimpin sekolah perlulah menggunakan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada mereka serta menyokong apa jua bentuk pembelajaran dan kerjasama yang berlaku dalam kalangan guru-gurunya demi kejayaan murid-muridnya untuk menjayakan PAK21.

3.2.4 Isu keempat: Mampukah kerajaan menyediakan prasarana yang lengkap bagi melaksanakan PAK21?

Dapatan kajian oleh Anna Kristin dan Torfi (2011) antara faktor yang mempengaruhi pdp21 ialah reka bentuk bangunan sekolah dan susun atur kelas sama ada murid diletakkan secara individu atau berkumpulan serta cara penggunaan sumber pembelajaran itu digunakan secara maksimum. Justeru, kerajaan sememangnya berusaha menaik taraf kemudahan pendidikan termasuk infrastruktur bangunan dan penyediaan bilik-bilik khas bagi mengupayakan sistem pembelajaran ke arah pendidikan abad ke 21. Ini merupakan antara cabaran utama dalam sektor pendidikan iaitu penyediaan kemudahan peralatan ICT yang lengkap untuk kaedah pembelajaran dan pengajaran tersebut.

Oleh itu, bersesuaian dengan perubahan dalam dunia pendidikan, KPM telah mula membina bangunan sekolah menggunakan reka bentuk moden dan susun atur bilik darjah yang dapat mengoptimalkan proses pdp yang sesuai dengan keadaan semasa masa kini sebagai persediaan pendidikan abad ke 21. Melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan ini sedikit sebanyak dapat membantu pihak sekolah merancang pelaksanaan pendidikan berkualiti yang menjurus kepada pendidikan abad ke 21 (Rindam dan Wan Fazah, 2016).

Namun, sekiranya kesedaran dan tanggungjawab guru serta murid terhadap penggunaan teknologi tersebut masih berada tahap yang rendah, penyediaan kemudahan dan prasarana ICT yang mantap belum dapat menjamin kejayaan pdp abad ke-21. Oleh itu, pentingnya kompetensi guru dalam penggunaan kemahiran ini untuk memastikan keberkesannya sebagai salah satu kaedah pengajaran pembelajaran PAK21.

## **Perbincangan dan Cadangan**

Pembudayaan amalan dan pengaruh KPP dalam kalangan guru-guru perlulah dimulakan dengan peranan pihak sekolah itu sendiri iaitu mengaktifkan komuniti mereka secara giat. Justeru, warga guru perlu dibantu dengan memperkenalkan satu modul khas sebagai usaha awal untuk memudahkan para guru merujuk tentang konsep dan garis panduan pelaksanaan KPP.

Kemampuan sesebuah komuniti sekolah yang ditonjolkan menerusi sikap kerjasama guru-gurunya demi mencapai visi dan pembelajaran sebagai satu pasukan berbanding secara individu berupaya meningkatkan kecekapan kerja guru (Senge, 1993) dan secara tidak langsung akan mewujudkan sifat permuafakatan dalam kalangan murid, komuniti sekolah itu sendiri, ibu bapa dan komuniti setempat yang akan turut memberi implikasi kepada struktur sekolah yang

berupaya diubah menjadi budaya yang positif selain mampu menangani masalah dalam sekolah. Ini kerana wujudnya sikap prihatin dalam kalangan komuniti setempat serta wujudnya sikap saling menghormati seperti sebuah keluarga (Hallam, Smith, Hite, Hite, dan Wilcox, 2015).

Bagi mencapai sasaran tercapainya objektif KPP guru perlu mengubah budaya kerja secara individu serta tidak bakhil ilmu antara rakan sekerja lain berkaitan sesi pdp yang dijalankan. Setiap guru seharusnya berkongsi ilmu pdp kerana setiap guru mempunyai isu yang berbeza atau pun sama yang perlu diselesaikan pada ketika itu di dalam kelas. Oleh itu, perbincangan sesama rakan sekerja amat perlu bagi menyelesaikan masalah pdp yang timbul agar pencapaian murid dapat dicapai.

Justeru, untuk mencapai kejayaan KPP di peringkat sekolah, pelbagai cara dan kaedah boleh diterap antaranya kaedah kolaborasi atau *peer coaching*, yang lebih personal di mana guru-guru dapat berkongsi pendekatan yang dijalankan untuk menangani masalah yang sama, serta membuat penilaian sendiri guru yang merupakan antara suatu amalan biasa dalam KPP. Ini kerana amalan tersebut bukan merupakan proses penilaian formal sekolah tetapi juga merupakan sebahagian daripada usaha rakan sejawat membantu rakan mereka yang lemah dalam pdp selain ini akan turut membantu meningkatkan keupayaan guru dalam pdp abad ke-21 (Fletcher & Maher, 2015; Louis & Druse, 1995; Louis & Seashore, 2014).

Selain itu, beberapa pendekatan dan kaedah lain turut boleh digunapakai seperti yang terdapat dalam komponen KPP bagi mencapai tahap kompetensi guru dalam pdp mereka seperti yang diamalkan di negara-negara maju sebelum ini. Antaranya ialah sistem sokongan rakan sekerja, pengajaran secara kolaboratif (*collaborative teaching*), tunjuk cara dalam pengajaran (*lesson demonstration*) dan perkongsian pintar antara komuniti sekolah dengan komuniti di luar sekolah. Amalan ini boleh diadaptasi oleh guru-guru di Malaysia bagi mencapai tahap pdp yang setara dengan negara maju lain.

## **Kesimpulan**

Sekolah yang cemerlang pastinya mempunyai guru-guru yang berkualiti dalam menjalankan program penambahbaikan sekolah secara berterusan serta berkolaborasi antara satu sama lain. Ini kerana konsep KPP yang sudah sekian lama dipraktikkan di luar negara telah terbukti berjaya serta diharapkan dapat membawa perubahan dalam budaya sekolah kita di Malaysia. Hal ini selari dengan beberapa kajian peringkat antarabangsa mahupun tempatan yang menunjukkan bahawa guru yang mempunyai hubungan rapat sama ada dengan pentadbir mahupun rakan senior, amalan perbincangan daripada pelbagai aspek seperti pdp sesama rakan sekerja serta perancangan program yang dirancang secara kolaboratif akan mengalami perubahan dalam budaya kerja supaya tahap profesionalisme dan kompetensi masing-masing dapat ditingkatkan lagi (Idrus, 2015).

Usaha menerapkan amalan KPP ini juga harus berterusan sehingga dapat mewujudkan sikap saling bekerjasama, mampu berkongsi tanggungjawab antara kepimpinan sekolah dan guru-guru, dapat memberi komitmen untuk mencapai perkongsian nilai, visi dan misi. Sekiranya usaha ini berjaya, hasilnya akan membawa kepada peningkatan sahsiah dan pencapaian murid dalam pembelajaran (Stegall, 2011).

Secara asasnya, keberkesanan KPP bertujuan bagi memenuhi hak murid untuk belajar, warga sekolah yang sentiasa berkolaborasi dan usaha pihak sekolah yang perlu menumpukan kepada hasil KPP bagi mengenal pasti keberkesanan KPP. Guru juga merupakan agen perubahan dalam memastikan KPP sama ada ianya berjaya dilaksanakan atau tidak. Sekolah yang berjaya membudayakan KPP adalah sekolah di mana guru-gurunya sentiasa berkolaboratif demi

meningkatkan pdp mereka untuk kejayaan pembelajaran murid. Hasil kejayaan ini juga menunjukkan bahawa guru-guru sentiasa berbincang antara satu sama lain dalam membuat keputusan berkaitan pembelajaran murid. Justeru, konsep KPP secara langsung adalah membentuk budaya belajar secara berterusan dalam kalangan guru. Namun, perkongsian visi dan misi yang jelas juga penting bagi membudayakan KPP ini di sekolah agar semua warga sekolah dapat bekerjasama untuk melakukan perubahan seperti yang dirancang.

Dalam konteks kompetensi pengajaran guru dalam pendidikan abad ke 21 pula, diharapkan pelaksanaan KPP ini dapat membantu untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru selain dapat meningkatkan pencapaian serta melahirkan murid yang berkeupayaan dalam pelbagai potensi.

Namun, pelaksanaan KPP di sekolah juga bukanlah suatu jaminan terbaik bahawa sekolah tersebut akan mencapai kejayaan secara serta merta tetapi ia boleh menjadi perantara untuk menambah baik aspek-aspek atau menyelesaikan masalah seperti masalah pembelajaran, disiplin dan kepimpinan di sekolah. Keadaan ini memerlukan warga guru lebih kompeten dalam menyalurkan maklumat kepada murid. Kompetensi turut menuntut guru-guru untuk mencipta amalan pedagogi yang lebih mencabar dalam bilik darjah demi pembangunan modal insan abad ke-21 ini (Dewantoro, 2017). Kualiti sistem pendidikan amat bergantung kepada kualiti dan kompetensi guru, justeru usaha KPM yang berusaha memperbaiki kompetensi guru perlu dibuat dengan jitu bagi melahirkan generasi yang menguasai kemahiran abad ke-21 dalam pelbagai aspek disiplin ilmu (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016, 2017).

## Rujukan

- Abdullah, Z., Ahmad, R. H., Ghani, M. F. A., & Salamun, H. (2010). Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Warga Sekolah. *Research Gate Journal*, 1–21.
- Ananiadou, K., & Claro, M. (2009). 21st Century Skills and Competences for New Millennium Learners in OECD Countries You or your institution have access to this content. *OECD Education Working Papers*, (41), 33. <https://doi.org/10.1787/218525261154>
- Ang Jit Eng. (2017). *Kehendak Pendidikan Abad ke-21*. Bandar Enstek Negeri Sembilan: Institut Aminuddin Baki Bandar Enstek.
- Ariffin, J. (1994). Peranan Guru Dalam Merealisasikan wawasan 2020. *Jurnal Guru Ke Arah Pembinaan Budaya Ilmu*, 3(3), 360–379.
- Aziah Ismail, Yen, L. H., & Kanesan, A. G. (2015). Komuniti Pembelajaran Profesional Dan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah Di Pulau Pinang. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(1), 1–12.
- Barton, K., & Levstik, L. (2004). Teaching History for the Common Good. In *Research Gate Journal*. <https://doi.org/10.4324/9781410610508>
- Beare, H. (2001). *Creating the future school: Student outcomes and the reform of education*.
- Carpenter, Peter, & Sundin. (2009). *Professional Learning Communities: A Case Study of Three Elementary Schools*. Wilmington University (Delaware), United States.
- Chediak, S., Kunnari, I., Inforsato, E. do C., & Junior, J. W. de A. (2018). Professional Learning Communities as a Leadership Strategy in the 21st Century School Management. *Revista Ibero-Americana de Estudos Em Educação*, 13(1), 304–323. <https://doi.org/10.21723/riaee.nesp1.v13.2018.11408>
- Conway, P. F., Murphy, R., Hall, K., & Rath, A. (2011). Leadership and Teacher Education. In H. O. Sullivan & J. West-Burnham (Eds.), *Leading And Managing School* (pp. 90–110). <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.4135/9781446288870.n7>
- Dewantoro, H. (2017). *Kompetensi Guru Abad 21 Sebagai Tuntutan Pembelajaran Guru Kompetensi Guru Abad 21* (pp. 1–11). pp. 1–11. Indonesia: Media Pendidikan Indonesia.
- Douglas B. Reeves. (2012). *The learning leader*. Alexandria, VA. Association for Supervision and



Curriculum Development.

- DuFour, R. (2015). Professional Learning Communities : A Bandwagon , an Idea Worth Considering , or Our Professional Learning Communities : A Bandwagon , an Idea Worth Considering , or Our Best Hope for High Levels of Learning ? *Middle School Journal*, 0771, 1–6. <https://doi.org/10.1080/00940771.2007.11461607>
- DuFour R, & Eaker, R. (1998). Professional Learning Communities at Work: Best Practices for Enhancing Student Achievement. *National Educational Service*.
- Fletcher, D., & Maher, J. (2015). *Toward a Competency-Based Understanding of the Training and Development of Applied Sport Psychologists*. (July). <https://doi.org/10.1037/a0031976>
- Ghani, M. F. A., & Crow, G. M. (2010). *Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: Perspektif Pemimpin Sekolah Cemerlang Negara Maju*. (1993).
- Grangeat, M., & Gray, P. (2007). Factors influencing teachers' professional competence development. *Journal of Vocational Education & Training*, 59(4), 485–501. <https://doi.org/10.1080/13636820701650943>
- Guskey, T. R. (2000). *Evaluating professional development*. Corwin Press.
- Hallam, P. R., Smith, H. R., Hite, J. M., Hite, S. J., & Wilcox, B. R. (2015). *Trust and Collaboration in PLC Teams : Teacher Relationships , Principal Support , and Collaborative Benefits*. <https://doi.org/10.1177/0192636515602330>
- Hallinger, P. (2010). *Leading Educational Change : reflections on the practice of instructional and transformational Leadership*. *Leading Educational Change : reflections on the practice of instructional and transformational leadership*. 3577. <https://doi.org/10.1080/0305764032000122005>
- Hargreaves, A. (2000). *Mixed emotions: teachers' perceptions of their interactions with students* (Teaching a). Retrieved from [https://doi.org/10.1016/S0742-051X\(00\)00028-7](https://doi.org/10.1016/S0742-051X(00)00028-7)
- Harris, A., & Jones, M. S. (2016). *Leading Futures: Global Perspectives on Educational Leadership* (1st editio; A. Harris & M. S. Jones, Eds.). United Kingdom: Sage Publication.
- Hashimah, N., Hashim, & Mohd. Amir Shaukhi, A. (2015). *Gaya Kepimpinan Pengetua Dalam Menjayakan Penyediaan Pendidikan Abad Ke-21*. <https://doi.org/ISSN> (Unpublished)
- Hasnah Isnon, & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56–65. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Hipp, K. K., Huffman, & Jane Bumpers. (2003). *Professional Learning Communities : Assessment Development Effects* . Sydney, Australia.
- Hord, S. M. (1997). *Professional Learning Communities of Continuous Inquiry and Improvement and Improvement* (Shirley M. Hord, Ed.). Retrieved from [www.sedl.org](http://www.sedl.org)
- Hord, S. M. (2004). *On Path to Becoming a PLC Charting Change in One Suburbun School*.
- Idrus, N. F. M. (2015). *Membudayakan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (Kpp) Dalam Kalangan Guru Matematik Sekolah Rendah*. Bangi, Selangor.
- Jere E. Brophy, & Good, T. L. (2007). *Looking in Classrooms* (9th ed.). Retrieved from <https://trove.nla.gov.au/work/6250675>
- Jones, M., & Harris, A. (2010). Professional Learning Communities and System Improvement. *Sage Journals*, 13(2), 172–181. <https://doi.org/10.1177/1365480210376487>
- Kementerian Pendidikan Malaysia 2016. (2017). *Laporan Tahunan 2016*. <https://doi.org/ISSN:0128-0295>
- Kementerian Pendidikan Malaysia, & moe. (2015). Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved from [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Lawrence W. Lezotte. (1996). Learning for All. *The Educational Forum*, 30(3), 1–8.
- Lela, N., Hariyaty, Hazianti, Zuriadah, & Abd, N. (2014). Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Manjung. *Research Gate Journal*, (November 2016). Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/310440830>
- Little, J. W. (1990). The Persistence of Privacy : Autonomy and Initiative in The Persistence of Privacy : Autonomy and Initiative in Teachers ' Professional Relations. *Teachers College*

- Record*, 91(January), 509–536. <https://doi.org/0161-4681/90/9104/509>
- Louis, K. S., & Druse, S. D. (1995). Professionalism and Community: Perspectives on Reforming Urban Schools. *Sage Journals*, 15(4), 192. <https://doi.org/https://doi.org/10.1177%2F027046769501500415>
- Louis, & Seashore, K. (2014). *The Role of Professional Learning Communities In International Education*. <https://doi.org/10.1007/978-94-010-0375-9>
- Mahamod, Z. (2012). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Martin Mulder. (2014). The concept of competence : Blessing or Curse ? In D. I. Torniainen, D. S. Mahlamäki-Kultanen, D. P. Nokelainen, & D. P. Ilsley (Eds.), *Innovations For Competence Management*. The publication series of Lahti University of Applied Sciences.
- Marzano, R. J. (2003). *What Works in Schools: Translating Research Into Action*. Virginia, USA: Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Muda, M. (1991). Cabaran Dan Harapan Dalam Pendidikan Menghadapi Alaf Baru. *Bahagian Pendidikan Guru*.
- Mulford, B. (2008). *Australian Education Review The Leadership Challenge : Improving learning in schools* (Australian; Bill Mulford, Ed.). Retrieved from <http://www.acer.edu.au/>
- Mullen, C. A., & Schunk, D. H. (2010). A View of Professional Learning Communities Through Three Frames: Leadership, organization, and culture. *McGill Journal of Education*, 45(2), 185. <https://doi.org/10.7202/045603ar>
- Nolan, D. E. (2009). *A study of the relationship of teachers ' self-efficacy and the impact of professional learning community as an organizational structure*. Louisiana State University.
- Nordin, J., & Yunus, B. (2016). *Model Pengukuran Kompetensi Kerja Guru*. 1(October), 25–27.
- Norizan Ahmad. (2003). Kemahiran dan penggunaan komputer dalam pengajaran sains di sekolah menengah: Lebih banyak persoalan daripada jawapan. *Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke 16*. Melaka.
- Ohmae, K. (2008). *The End of the Nation State: The Rise of Regional Economies*. Tokyo: HarperCollins.
- Rindam, M., & Wan Fazah, W. A. (2016). *Pendidikan Abad Ke 21: Peranan Bina Insan Guru (BIG) dalam menyediakan Guru beraras tinggi*.
- Senge, P. (1990). Educational Leadership. *The Leaders New World : Building Learning Retention*, 84–88.
- Sharifah Nor Puteh. (2012). Keprihatinan guru bahasa melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 2(2), 19–31.
- Singh, R. R. (1991). *Education For The 21st Century Asia-Pacific Perspective* (UNESCO Principal Regional Office For Asia And The Pacific Bangkok, Ed.). Bangkok: Unesco Principsl Regional Office Bangkok Thailand.
- Siti Hawa Abdullah. (2008). *Empati sejarah dalam kalangan murid Tingkatan 2*. Universiti Malaya.
- Spence, L. M., & Spence, S. M. (1993). *Competence at Work*. <https://doi.org/https://doi.org/10.1002/hrdq.3920050411>
- Stegall, D. A. (2011). *Professional Learning Communities And Teacher Efficacy: A Correlational Study*. Appalachian State University.
- Sulaiman, K. B., Thani, R. A., Latif, R. A., Mahalingam, S. S. R., & Adam, W. A. W. (2013). *Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21: Isu dan Cabaran*. Bangi, Selangor.
- Surif, J., & Arshad, M. Y. (2003). The Application of Generatif-Metakognitif Model in Constructivism Environment: The role of Teacher As A Reflective Practice. *International Conference On Science and Mathematics Education*, 14–16. Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Waters, C., LeBard, L., & Nelson, H. (2010). How to Create a Professional Learning Community. *Science and Children*, 36–40.

- Wiersma, A. (2008). A Study of the Teaching Methods of High School History Teachers. *Research Gate Journal*, 99(3), 111–116. <https://doi.org/10.3200/TSSS.99.3.111-116>
- Wijaya, E. Y., Sudjimat, D. A., Nyoto, A., & Malang, U. N. (2016). *Transformasi Pendidikan Abad 21 Sebagai Tuntutan Pengembangan Sumber Daya Manusia Di Era Global*. 1, 263–278.
- Yusof, Y. (2003). *Kompetensi Pensyarah Dalam Proses Pengajaran : Satu Kajian di Politeknik Port Dickson*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Zahara Aziz, & Ismail, N. A. N. (2007). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah kepada Para Pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 32, 119–137.
- Zamri Mahamod. (2014). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred ( Malay Language Learning Strategies among Foreign Students Based on Language Skills and Grade ) Zamri Mahamod , Nik Mohd . Rahimi Nik Yusof. *Jurnal Personalia Pelajar*, 17, 75–81.
- Zuraidah, A. (2016). *Komuniti Pembelajaran Profesional di Malaysia: Amalan Penambahbaikan Sekolah* (1st editio). Kuala Lumpur, MALAYSIA: University Of Malaya Press.